

KEKERAPAN KOMUNIKASI BUNUH DIRI DAN HUBUNGANNYA DENGAN KECENDERUNGAN MEMBUNUH DIRI DALAM KALANGAN ANGGOTA TENTERA

MOHD RADZI BIN ABDUL HAMID & JUSANG BOLONG
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Abstrak

Kes bunuh diri di kalangan anggota tentera Malaysia adalah kes terencil dan mula dikesan pada awal tahun 70an. Pada tahun 1999, jumlah kes bunuh diri di kalangan anggota tentera mula meningkat malah turut melibatkan anggota berbangsa Melayu dan beragama Islam. Statistik kes bunuh diri anggota tentera mulai tahun 2000 hingga 2012 mencatatkan 49 kes yang mana 24 kes bunuh diri dan 25 kes cubaan bunuh diri. Perbandingan mengikut kaum/agama menunjukkan Bangsa Melayu/Islam adalah yang tertinggi iaitu 63% (14) kes membunuh diri dan 71% (13) kes cubaan bunuh diri. Adalah didapati hampir kesemua mangsa telah melakukan komunikasi bunuh diri secara lisan ataupun bukan lisan melalui pelbagai saluran. Malah terdapat kes di mana mangsa melakukan kedua-duanya sekali. Kebanyakannya mangsa telah melakukan komunikasi bunuh diri lebih daripada sekali. Berdasarkan kepada teori Perancangan Tingkah Laku yang telah diutarakan oleh Ajzen (1985), kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti hubungan kekerapan komunikasi bunuh diri dengan tahap kecenderungan bunuh diri dalam kalangan anggota tentera. Seramai 254 orang yang rapat dengan mangsa yang terdiri daripada ahli keluarga, rakan rapat, ketua, pengawal pusat tahanan, pegawai agama dan pegawai kaunseling telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini juga turut melibatkan 11 orang anggota tentera yang gagal dalam cubaan membunuh diri. Hasil kajian menunjukkan jumlah komunikasi bunuh diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kecenderungan niat membunuh diri dalam kalangan

anggota tentera. Adalah menjadi harapan agar hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan oleh pihak pengurusan tentera atau mana-mana pasukan beruniform dalam usaha mencegah anggota daripada membunuh diri.

Kata Kunci: *Komunikasi bunuh diri; kecenderungan; bunuh diri; anggota tentera*

THE RELATIONSHIP OF SUICIDAL COMMUNICATION FREQUENCY WITH SUICIDE INTENT AMONG MILITARY PERSONNEL

Abstract

Suicides among military personnels is an isolated case and was first detected in the early 70s. In 1999, the number of suicides among military personnels started to rise and in fact this involves Malays. From year of 2000 till 2012, it was recorded about 49 cases of which 24 were suicide and 25 were attempted suicide. Comparison of suicide cases by race/religion shows the Malays/Muslims stood the highest at 63% (14) and 71% (13) cases of attempted suicide. It was found that almost all the victims had committed suicide verbally or non-verbally through various channels. There are even cases where victims do both. Most victims do suicidal communication more than once. Based on the Theory Planned Behavioural by Ajzen (1985), this study aimed to identify the relationship between the frequencies of suicidal communication with suicidal tendencies or intent level of suicide among military personnel. A total of 254 respondents such as family members, close friends, subordinate, detention center guards, religious officers and counseling officers responded to this survey. This study involved 11 soldiers who failed in suicide attempts. The results showed that the number of suicidal communication has a significant relation with the tendency of attempted suicide among military personnel. It is hoped that the results of this study can be used as a reference by the management department of any military or uniformed forces in an effort to prevent members from committing suicide

Keyword: *Suicidal communication, intent, suicide, military personal*

PENGENALAN

Adalah didapati sejak tahun 1999, kes anggota Tentera Darat membunuh diri semakin kerap berlaku. Sungguhpun pada jumlah yang masih kecil tetapi ia menunjukkan berlakunya peningkatan. Kejadian dan peningkatan ini adalah satu situasi yang membimbangkan. Lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan anggota Tentera Darat yang beragama Islam dan berbangsa Melayu. Kes demi kes berlaku dan dilihat boleh mencemarkan nama baik perkhidmatan Tentera Darat yang merupakan ketumbukan pasukan keselamatan yang terbesar. Ini boleh melunturkan kepercayaan dan harapan rakyat kepada pasukan Tentera Darat kerana anggota Tentera Darat sedia terlatih; sudah tentu mempunyai sikap kental diri dan semangat juang yang tinggi. Maka itu, kes membunuh diri di kalangan anggota Tentera Darat adalah satu tindakan yang tidak boleh diterima dan tidak harus berlaku. Justeru, permasalahan ini perlu diberi perhatian yang serius. Sehingga kini masih tidak ada kajian membunuh diri yang dilakukan di kalangan anggota Tentera Darat. Apa yang pasti ialah, individu yang akan membunuh diri, terlebih dahulu akan merancang tindakannya dan melakukan 'komunikasi bunuh diri' (Cerel, 2009). Berdasarkan kajian oleh Handelman and David (2007), mendapati bentuk dan kekerapan komunikasi bunuh diri adalah berbeza di antara mangsa.

PERNYATAAN MASALAH

Para sarjana berpendapat kes bunuh diri boleh diurus atau dikawal dari berlaku. Ini kerana terdapat hubungan di antara komunikasi bunuh diri dengan tindakan membunuh diri. Maka tindakan pencegahan awalan boleh dilakukan sebaik sahaja mangsa melakukan komunikasi bunuh diri. Nock (2008), mendapati hanya 20% dari sampel yang dikaji tidak melakukan komunikasi bunuh diri sebelum membunuh diri, 80% melakukannya dan 43% daripadanya melakukan komunikasi bunuh diri lebih dari sekali. Walau bagaimanapun, masih belum ada kajian yang mengkaji perkaitan kekerapan melakukan komunikasi bunuh diri dengan kesungguhan atau kecenderungan melakukannya khususnya di kalangan anggota tentera. Adalah sangat penting untuk mengetahui bentuk dan kekerapan komunikasi bunuh diri di kalangan anggota tentera dan melihat hubungannya dengan kesungguhan niat. Dengan mengetahui dua perkara ini, kemungkinan tindakan pencegahan dapat dilakukan. Berdasarkan laporan Lembaga Siasatan Kes Bunuh Diri anggota Tentera Darat, mendapati anggota yang membunuh diri telah melakukan komunikasi bunuh diri. Komunikasi bunuh diri ini dilakukan dalam pelbagai cara seperti menulis nota bunuh diri (suicide note), menghantar sms pesanan terakhir, melukis gambar cara membunuh diri, memaklumkan kepada orang tersayang dan berbagai lagi. Mesej-mesej komunikasi bunuh diri disampaikan kepada individu tertentu yang berhubung rapat seperti ketua, rakan-rakan, ahli keluarga, Pegawai Agama, Pegawai Kaunseling dan lain-lain. Berdasarkan kajian oleh Nock (2008), dan Handelman dan David (2007),

kebanyakan individu yang membunuh diri akan melakukan komunikasi bunuh diri dan mempamerkan tanda-tanda akan membunuh diri. Manakala penemuan oleh Beck dan Lester (1976), mendapati sesetengah individu yang hanya ingin cuba membunuh diri melakukan banyak komunikasi bunuh diri. Jessica dan Thomas (2009) pula mendapati sebaliknya. Ini bermakna jumlah atau kekerapan melakukan komunikasi bunuh diri boleh menjangkakan kesungguhan niat bunuh diri atau pun sekadar ingin mencuba bunuh diri. Kenyataan inilah yang ingin dikaji dan menjadi hipotesis kepada kajian yang akan dijalankan di dalam Tentera Darat Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya kajian ini bertujuan meninjau hubungan kekerapan komunikasi bunuh diri dengan kecenderungan bunuh diri di kalangan anggota tentera. Dengan lebih khusus lagi kajian ini ingin:

- i. Mengetahui pasti hubungan antara kekerapan komunikasi bunuh diri dengan kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera.
- ii. Mengetahui pasti perkaitan bentuk komunikasi bunuh diri sama ada lisan atau bukan lisan dengan kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera.
- iii. Mengetahui pasti mesej yang paling efektif yang boleh digunakan oleh ahli keluarga dan rakan-rakan bagi memujuk dan menasihati anggota tentera supaya tidak membunuh diri.
- iv. Mengetahui pasti pihak atau individu yang paling berkesan memujuk mangsa supaya tidak meneruskan niatnya bagi membunuh diri.
- v. Mengetahui pasti hubungan faktor-faktor penyebab dengan kecenderungan seseorang anggota tentera terlatih nekad membunuh diri.

SOROTAN LITERATUR

Bunuh Diri

Definisi terawal yang sering dibandingkan ialah definisi oleh Durkheim (1951). Beliau mengklasifikasikan bunuh diri sebagai “[A]ny death which is the direct or indirect result of a positive or negative act accomplished by the victim himself”. Meneliti kepada definisi terawal ini, di dapati Durkheim gagal membezakan antara tindakan membunuh diri dan tindakan oleh orang gila atau di bawah pengaruh kuasa lain yang mana individu tidak mengetahui sebab dan akibat daripada sesuatu tindakan. Perbincangan definisi terawal ini membawa kepada definisi baru iaitu membunuh diri adalah disebabkan oleh tindakan individu yang mengetahui kesannya dan individu berkenaan mempunyai matlamat bagi berbuat demikian. Menurut Dai Jing (2008) bunuh diri adalah tindakan agresif yang menyebabkan hilang nyawa atau mati. Bunuh diri tidak dilakukan secara

saja-saja atau tanpa sebab. Individu yang melakukan tindakan bunuh diri mempunyai fikiran dan perilaku yang mewakili dirinya sendiri (representing) dari kesungguhan untuk mati dan juga merupakan manifestasi keresahan atau buntu (ambivalence) fikiran tentang kematian (Suzan, 2010). Centers for Disease Control and Prevention (CDC) di Amerika Syarikat mendefinisikan bunuh diri adalah kematian dengan cara melukai, meracuni, atau mencekik atau menenggelamkan diri (mati lemas) dan ada fakta-fakta yang menunjukkan hal tersebut (sama ada jelas ataupun tidak jelas) di mana hal-hal tersebut menyebabkan penderitaan pada diri sendiri (self-inflicted) dan hal-hal tersebut secara sungguh-sungguh dilakukan untuk membunuh diri sendiri (Suzan, 2010). Dalam isu yang sama Welch (2011) menjelaskan bahawa tidak sukar untuk mendefinisikan membunuh diri tetapi ia adalah sesuatu yang sukar untuk dijelaskan. Ia adalah satu tindakan yang sangat tragik, kompleks dan sering kali tidak boleh diduga, tidak bermatlamat dan sering bersifat peribadi.

Nota Membunuh Diri

Nota membunuh diri adalah mesej yang disampaikan oleh mangsa melalui tulisan yang berupa surat yang dialamatkan kepada individu tertentu. Dalam situasi ini kemungkinan mangsa ingin sesiapa sahaja membaca nota berkenaan. Lori dan David (2009) mendapati kebanyakan nota membunuh diri menggunakan ayat diri pertama (I) dan diri orang kedua (You). Sangat sedikit nota membunuh diri ditujukan kepada orang ramai atau kumpulan yang besar dan didapati kumpulan yang besar hanyalah berbentuk keluarga sahaja. Antara kandungan yang biasanya dimasukkan dalam nota membunuh diri ialah rasa kecewa, kekesalan, permohonan maaf, putus asa, menyelesaikan masalah, ucapan selamat tinggal dan lain-lain lagi. Menurut Lori dan David (2009), nota membunuh diri oleh mangsa yang berjaya membunuh diri biasanya mengandungi rujukan isu metafizikal, tahap tekanan yang dihadapi, hubungan sosial mangsa dan perkara-perkara kebaikan yang telah dilakukan oleh mangsa. Kebanyakan nota membunuh diri disampaikan secara terus melalui tulisan pada kertas. Sungguhpun demikian sejak wujudnya teknologi komunikasi, nota bunuh diri tidak lagi terikat kepada sekeping kertas. Terdapat juga nota membunuh diri yang disampaikan melalui sms dan e-mel ataupun sebarang kemudahan komunikasi dalam talian. Bagaimana pun terdapat kes di mana nota membunuh diri berupa lukisan yang dilukis pada dinding, kertas, dan apa sahaja barang yang ada berdekatan dengan mangsa. Nota membunuh diri di dapati disiapkan pada saat-saat akhir sebelum mangsa nekad membunuh diri dan diletakkan bersebelahan atau berdekatan dengannya.

Buang Tabiat/Petanda Ajal

Buang tabiat atau perilaku yang merupakan petanda-petanda hampir kepada kematian sering kali hanya dikenal pasti atau disedari selepas kematian berlaku. Dalam masyarakat Melayu dan Islam, percaya bahawa individu-individu yang hampir kepada kematian akan membuat tindakan atau perangai yang berbeza

atau luar biasa. Perilaku luar biasa ini disebut sebagai buang tabiat. Bahkan dalam sesetengah kes, mangsa menyatakan secara terus akan kematiannya yang sudah hampir atau beliau sudah mahu mati. Tetapi sering kali mesej-mesej sebegini tidak dilihat secara serius. Bahkan ia dianggap lucu atau main-main. Para ulama berpendapat bahawa tanda-tanda kematian adalah benar dan berlaku. Hanya orang yang beriman dan tinggi takwanya sahaja yang diberi kepekaan bagi membezakan buang tabiat sama ada main-main atau benar akan terjadi. Sebagai contohnya, Imam al-Ghazali diriwayatkan berupaya mengenali tanda-tanda awal beliau akan mati. Bahkan, Imam al-Ghazali dikatakan telah mempersiapkan dirinya lebih awal bagi menghadapi saat-saat akhir kehidupan. Beliau diriwayatkan telah siap mandi, berwuduk serta mengapankan separuh daripada badannya. Menurut riwayat lagi, Imam al-Ghazali wafat ketika abangnya sedang mengapankan bahagian mukanya (Robing dan Dena, 2009).

Menurut Imam al-Ghazali (al-Ghazali, 1967), terdapat beberapa petanda kematian yang disampaikan mengikut tempoh tertentu. Beliau menjelaskan bahawa tahap petanda kematian dapat dibahagikan kepada enam tahap iaitu 100 hari, 40 hari, 7 hari, 3 hari, 1 hari dan tahap kematian. Sekiranya petanda ajal disedari, individu berkenaan tidak boleh menolak atau memanjangkan hidupnya kerana ajal akan tetap berlaku kerana ia telah ditetapkan. Ini berbeza dengan buang tabiat dan nota membunuh diri. Nota membunuh diri termasuk dalam perilaku buang tabiat. Menurut Theory Planned Behavior (Rosalie dan Cerel, 2009), individu yang membunuh diri akan merancang tindakannya. Sesetengahnya mengambil masa yang agak lama dan sesetengahnya hanya sekejap sahaja. Antara rancangan yang dimaksudkan ialah persiapan membunuh diri seperti menulis surat terakhir, membeli peralatan membunuh diri seperti racun, bahan bakar, tali dan sebagainya.

Mesej-Mesej Berkesan

Mesej-mesej berkesan bermaksud mesej yang berupa komunikasi lisan atau bukan lisan yang boleh digunakan oleh pihak-pihak tertentu bagi mempengaruhi mangsa yang telah mula mempamerkan petunjuk-petunjuk bunuh diri. Mesej ini mungkin berbentuk rayuan, nasihat, doa dan kata-kata semangat bagi meneruskan kehidupan. Berdasarkan kajian oleh Michael(2010), beliau membahagikan mesej ini kepada dua bentuk iaitu 'expressive' dan 'supportive' ataupun percampuran dua teknik ini. Kajian oleh FredPine's (1985) dalam Michael, mendapati konsep 'strike while the iron is cold' adalah sangat berkesan yang mana mesej-mesej berkesan disampaikan lebih awal atau sebelum terlambat. Ia adalah satu usaha yang tidak merugikan. Sekiranya usaha melalui mesej-mesej berkesan tersebut berhasil, maka ia satu kelebihan atau faedah.

Tidak keterlaluan jika dikatakan, mesej-mesej ini mungkin boleh digunakan kepada mangsa-mangsa yang telah sedia untuk membunuh diri atau sedang berdiri di gigi tembok. Menurut Barber, Blackman, Talbot, dan Saebel (2004), mesej-mesej berkesan ini didapati sangat penting ketika saat-saat genting. Dalam kajian mereka kepada pemanggil telefon untuk membunuh diri di dapati kebanyakannya melibatkan kes hubungan sosial. Maka mesej strategi

memperbaiki hubungan sosial sangat berkesan digunakan. Daripada perspektif angkatan tentera, maka mesej-mesej tersebut semestinya berbeza kerana budaya dan cara hidup yang berbeza. Kemungkinan mesej kekeluargaan, agama dan bangsa boleh digunakan. Barber dan rakan (2004) telah mengemukakan satu senarai tema dan bentuk mesej berkesan yang sesuai berasaskan niat mangsa. Ia disenaraikan dalam senarai yang dinamakan 'Lifeline Adelaide Record for a Suicide Call'. Berdasarkan senarai ini, petugas di pusat panggilan telefon bunuh diri akan menyemak isu ketidakpuasan hati mangsa, dan terus merujuk kepada senarai berkenaan yang telah tersedia dengan mesej-mesej yang berkesan jika diucapkan kepada mangsa berkenaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berupa kajian tinjauan menggunakan borang soal selidik. Sampel kajian terdiri daripada 254 individu yang rapat dengan mangsa sama ada ahli keluarga ataupun bukan ahli keluarga. Di samping itu, kajian juga kajian turut menemubual 11 orang mangsa yang gagal dalam cubaan bunuh diri sebagai kajian sokongan. Lokasi kajian berlaku di seluruh Malaysia kerana sebahagian keluarga mangsa telah berpindah atau pulang ke kampung. Hubungan antara dua pemboleh ubah ini diukur dengan 38 item (Ronit dan Kathryn, 2002) yang terbahagi kepada enam faktor yang terlibat. Manakala sejumlah lima soalan asas temu bual (Nicole, 2010) digunakan bagi melihat mesej dan individu berkesan. Kaedah statistik deskriptif dan analisis inferensi telah digunakan. Analisis deskriptif menganalisis data demografi seperti kategori responden, tahap hubungan dengan mangsa, tempoh hubungan, kecenderungan bunuh diri, kekerapan komunikasi bunuh diri, faktor penyebab bunuh diri, individu berpengaruh memujuk dan mesej paling efektif. Manakala analisis inferensi telah menguji lima hipotesis dan perkaitan demografi dengan pemboleh ubah dengan menggunakan ujian-t, ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi Berganda.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hasil kajian berdasarkan demografi responden (Kategori, Tahap Hubungan dan Tempoh Hubungan), dan hipotesis-hipotesis yang dibentuk.

DEMOGRAFI RESPONDEN

Kategori Responden

Berdasarkan Jadual 1, kategori paling ramai ialah anggota lain-lain pangkat sejumlah 39.4 peratus (100 borang). Manakala kategori abang/adik/kakak sejumlah 13.8 peratus (35 borang), dan kategori saudara mara sejumlah 12.2 peratus (31 borang). Kategori yang paling rendah ialah kategori anak sejumlah 1.6 peratus (4 borang). Tiada responden dalam kategori kekasih. Taburan jumlah

semua kategori ini menepati nisbah jumlah responden antara tentera dan awam iaitu 5:1.

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Kategori Hubungan

Kategori	Kekerapan	Peratus
Pegawai Tentera	11	4.3
Lain-lain pangkat	100	39.4
Ayah/Ibu	26	10.2
Isteri/Suami	18	7.1
Abang/Adik/kakak	35	13.8
Anak	4	1.6
Saudara-mara	31	12.2
Rakan-rakan (awam)	13	5.1
Kekasih	-	-
Lain-lain	16	6.3
Jumlah	254	100

Tahap Hubungan Dengan Mangsa

Menerusi Jadual 2, menunjukkan taburan responden mengikut tahap hubungan dengan mangsa. Kumpulan tahap hubungan pada kadar 'kenal sahaja' adalah yang tertinggi sebanyak 37.8 peratus (96 orang), diikuti oleh tahap hubungan 'sangat rapat' sebanyak 33.9 peratus (86 orang). Seterusnya tahap hubungan 'rapat' sebanyak 14.2 peratus (36 orang), diikuti oleh hubungan pada tahap 'anggota di bawah pimpinan' sebanyak 5.9 peratus (15 orang), 'kawan biasa' sebanyak 4.7 peratus (12 orang) dan tahap ketua/majikan merupakan yang terendah sebanyak 3.5 peratus (9 orang). Jumlah taburan ini secara puratanya adalah munasabah kerana fokus responden ialah kepada orang di sekeliling mangsa.

Jadual 2: Taburan Responden Mengikut Tahap Hubungan

Tahap Hubungan	Kekerapan	Peratus
Sangat rapat	86	33.9
Rapat	36	14.2
Kawan biasa	12	4.7
Kenal sahaja	96	37.8
Ketua/Majikan	9	3.5
Anggota di bawah pimpinan	15	5.9
Jumlah	254	100

Tempoh Hubungan

Berdasarkan Jadual 3, tempoh hubungan dengan mangsa dibahagikan kepada empat kategori iaitu kurang 3 bulan, Tiga hingga enam bulan, enam hingga 12 bulan dan lebih setahun. Tempoh hubungan yang tertinggi ialah 'lebih setahun' sebanyak 54.3 peratus (138 orang), tempoh 'tiga hingga enam bulan' sebanyak 24 peratus (61 orang), tempoh 'kurang tiga bulan' sebanyak 15.4 peratus (39 orang) dan tempoh 'enam hingga setahun' sebanyak 6.3 peratus (16 orang). Taburan ini yang mana responden sememangnya mengenali responden akan menjadikan penemuan atau data yang diberi adalah lebih tepat.

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Tempoh Hubungan

Kategori pendidikan	Kekerapan	Peratus
Kurang 3 bulan	39	15.4
3 ke 6 bulan	61	24.0
6 ke 12 bulan	16	6.3
Lebih setahun	138	54.3
Jumlah	254	100

Kekerapan Komunikasi Bunuh Diri (Lisan)

Jadual 4, menunjukkan 3 dimensi komunikasi lisan (bercakap/telefon) yang mungkin telah dilakukan oleh mangsa. Jumlah komunikasi lisan sama ada bercakap secara bersemuka atau melalui perantaraan gajet komunikasi seperti telefon yang mengandungi penyataan hasrat bunuh diri sebanyak tiga kali atau lebih mendapat skor m melebihi midpoint 3.26 (n=254). Hanya satu dimensi yang mendapat nilai m di bawah nilai midpoint iaitu komunikasi lisan sebanyak satu kali (m=3.17). Ini menandakan responden bersetuju bahawa mangsa yang membunuh diri telah melakukan komunikasi bunuh diri secara lisan sebanyak tiga kali atau lebih.

Petunjuk data mean disokong oleh jumlah peratus yang mana sebanyak 44.5 peratus (113 orang) bersetuju bahawa mangsa telah melakukan tiga kali atau lebih komunikasi bunuh diri secara lisan. Manakala sebanyak 37.8 peratus (96 orang) bersetuju bahawa mangsa telah melakukan komunikasi bunuh diri sebanyak dua kali.

Jadual 4: Kekerapan Komunikasi Bunuh Diri (Lisan)

Komunikasi Lisan	Frekuensi	Peratus	Mean	SP
Mangsa hanya sekali menyatakan secara lisan (bercakap/telefon) hasrat bagi membunuh diri	83	32.7	3.17	.94
Mangsa dua kali menyatakan secara lisan (bercakap/telefon) hasrat bunuh diri	96	37.8	3.26	.88

Mangsa melakukan tiga kali atau lebih menyatakan secara lisan (bercakap/telefon) hasrat bunuh diri	113	44.5	3.36	.96
--	-----	------	------	-----

Melalui temu bual dengan mangsa (n=11) yang cuba membunuh diri mendapati sejumlah n=8 mangsa telah melakukan komunikasi bunuh diri secara lisan lebih dari tiga kali. Jumlah komunikasi yang paling banyak ialah Mangsa 1 iaitu lebih enam kali. Menurut Mangsa 1, mesej bunuh diri seperti ‘...ini last chance, kau bercakap dengan saya..’ (B27) atau ‘...lepas ni kamu takkan jumpa saya lagi...’ (B28) di nyatakan secara lisan pada setiap kali berlakunya pergaduhan antara beliau dengan isterinya. Sungguhpun mangsa menyatakan beliau sebenarnya tidak laksanakan seperti mana yang beliau liskan tetapi pada akhirnya beliau lakukan juga.

Manakala Mangsa 2 pula hanya sekali sahaja melakukan komunikasi lisan bunuh diri. Ini kerana beliau hanya mempunyai sekali sahaja peluang iaitu ketika lawatan oleh kakaknya. Mesej lisan bunuh diri yang disampaikan ialah ‘...bahawa saya mungkin hidup tak lama lagi. Jadi saya minta ampun dan halal makan minum saya...’ (B14-16). Begitu juga dengan Mangsa 5. Beliau hanya sekali sahaja melakukan komunikasi bunuh diri. Mesej bunuh diri dinyatakan dalam komunikasi antara beliau dengan isterinya. Mangsa menyatakan ‘...lepas ni kalau datang, saya dah tak ada kat sini lagi. Minta maaf banyak. Halal makan minum...’ (14-16).

Kekerapan Komunikasi Bunuh Diri (Bukan Lisan)

Jadual 5, menunjukkan 3 dimensi jumlah komunikasi bunuh diri yang dilakukan oleh mangsa secara bukan lisan iaitu surat, sms, lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain. Jumlah komunikasi bunuh diri secara bukan lisan sebanyak tiga kali atau lebih mendapat skor m melebihi midpoint 3.23 (n=254). Hanya satu dimensi sahaja yang mendapat nilai m di bawah nilai midpoint iaitu komunikasi bukan lisan hanya sekali sahaja (m=3.17). Ini menandakan mangsa telah melakukan bunuh diri bukan lisan sebanyak tiga kali atau lebih. Data frekuensi dan peratus selari dengan skor m bagi komunikasi bukan lisan sejumlah tiga kali atau lebih. Data menunjukkan sejumlah 44.1 peratus (112 orang) bersetuju bahawa mangsa telah melakukan komunikasi bunuh diri bukan lisan sebanyak tiga kali atau lebih. Manakala sebanyak 34 peratus (87 orang) setuju hanya sekali sahaja.

Jadual 5: Kekerapan Komunikasi Bunuh Diri (Bukan Lisan)

Komunikasi Bukan Lisan	Frekuensi	Peratus	Mean	SP
Mangsa hanya sekali menyatakan hasrat secara bukan lisan (surat, sms, lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain) untuk membunuh diri	87	34.3	3.17	0.96

Mangsa dua kali menyatakan secara bukan lisan (surat, sms, lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain) hasrat bunuh diri	86	33.8	3.23	0.91
Mangsa telah tiga kali atau lebih menyatakan hasrat bunuh diri secara bukan lisan (surat, sms, lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain).	112	44.1	3.43	0.98

Manakala penemuan temu bual mangsa yang cuba membunuh diri mendapati terdapat mangsa (n=2) yang telah melakukan komunikasi bunuh diri secara bukan lisan. Perkara ini berlaku atas sebab yang tidak dapat dipastikan. Mangsa 3 dan 4 melaksanakan komunikasi bukan lisan. Menurut Mangsa 5 beliau telah menyampaikan mesej bunuh diri melalui sms kepada kakaknya. Mesej bunuh diri iaitu sms yang dihantar ialah ‘...saya adalah anak yang banyak bawa masalah pada keluarga. Saya ni hidup pun tak guna. Kakak tolong jaga mak elok-elok...’ (B20-22). Dalam kes Mangsa 4 ini, ia agak unik kerana mangsa turut melakukan komunikasi bunuh diri secara lisan. Komunikasi bunuh diri lisan ini berlaku antara beliau dengan rakan karib yang melawat beliau ketika dalam tahanan. Mangsa 4 menyatakan ‘...potong duit hadiah berhenti saya pada kawan yang saya ada hutang. Aku mungkin tak hidup lama...’ (B38-39). Mangsa 4 menyatakan ketika komunikasi bunuh diri dilakukan sama ada secara lisan atau bukan lisan, beliau memang bermaksud demikian iaitu ‘...rasa hati itu memang ada...’ (B26). Manakala Mangsa 4 pula melaksanakan komunikasi bunuh diri bukan lisan dengan cara menulis sepucuk surat kepada teman lelaki. Beliau menulis mesej yang bermaksud ingin membunuh diri iaitu ‘...surat ni mungkin yang terakhir dari saya. Kalau dia tak putus hubungan dia dengan seorang lagi buah hatinya, dia tak akan jumpa saya lagi...’ (B18-20).

Persiapan Bunuh Diri

Jadual 6, menunjukkan frekuensi dan peratus responden kepada persiapan bunuh diri yang dilakukan oleh mangsa. Sebanyak 36.2 peratus (n=92) telah setuju dan sangat setuju bahawa mangsa telah membuat persiapan untuk bunuh diri. Manakala sebanyak 23.6 peratus (60 orang) sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa mangsa telah membuat persiapan bunuh diri. Walau bagaimanapun, sebanyak 40.2 peratus (102 orang) telah memilih tidak pasti. Sungguhpun jumlah kategori ini agak tinggi tetapi ia selari dengan jumlah ‘rakan sangat rapat’ yang hanya 33.9 peratus. Ini bermakna rakan-rakan yang tidak rapat tidak mendapat maklumat atau tidak dalam kapasiti untuk menerima sebarang mesej persiapan bunuh diri.

Jadual 6: Persiapan Bunuh Diri

Persiapan Bunuh Diri	Frekuensi	peratus
Sangat tidak setuju	14	5.5
Tidak Setuju	46	18.1
Tidak Pasti	102	40.2
Setuju	65	25.6
Sangat Setuju	27	10.6

Penyataan Hasrat Bunuh Diri Hanya Sekali Melalui Komunikasi Bukan Lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain)

Jadual 7 menunjukkan frekuensi dan peratus responden kepada penyataan sekali hasrat bunuh diri yang disampaikan melalui komunikasi bukan lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain) yang dilakukan oleh mangsa. Sebanyak 34.3 peratus (n=87) telah setuju dan sangat setuju bahawa mangsa telah menyatakan sekali akan hasrat bunuh diri melalui komunikasi bukan lisan. Manakala sebanyak 20.8 peratus (53 orang) sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa mangsa telah sekali menyatakan hasrat bagi bunuh diri melalui komunikasi bukan lisan. Sungguhpun demikian, sebanyak 44.9 peratus (114 orang) telah memilih tidak pasti. Jumlah kategori ini tinggi kerana jumlah kategori hubungan tidak rapat yang tinggi. Oleh sebab penyataan hasrat bunuh diri adalah satu bentuk komunikasi yang unik, maka ia hanya disampaikan kepada individu yang tertentu sahaja. Faktor pemilihan individu bagi menerima komunikasi hasrat bunuh diri tertakluk kepada faktor kerapatan hubungan, peluang pertemuan, dan persepsi mangsa kepada individu berkenaan. Ini bermakna individu-individu di sekeliling yang tidak berpeluang bertemu dan dipersepsi sebagai tidak dipercayai, tidak akan dapat menerima penyataan hasrat bunuh diri.

Jadual 7: Penyataan Sekali Hasrat Bunuh Diri Melalui Komunikasi Bukan Lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain)

Penyataan Hasrat (Bukan Lisan)	Frekuensi	peratus
Sangat tidak setuju	12	4.7
Tidak Setuju	41	16.1
Tidak Pasti	114	44.9
Setuju	65	25.6
Sangat Setuju	22	8.7

Penyataan Hasrat Bunuh Diri Hanya Dua Kali Melalui Komunikasi Bukan Lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain)

Jadual 8 menunjukkan frekuensi dan peratus responden kepada penyataan hasrat bunuh diri yang disampaikan melalui komunikasi bukan lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain) sebanyak dua kali yang dilakukan oleh mangsa. Sebanyak 33.8 peratus (n=86) telah setuju dan sangat setuju bahawa mangsa telah menyatakan sekali akan hasrat bunuh diri melalui komunikasi bukan lisan. Manakala sebanyak 18.1 peratus (46 orang) sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa mangsa telah sekali menyatakan hasrat bagi bunuh diri melalui komunikasi bukan lisan. Sungguhpun demikian, sebanyak 48.0 peratus (122 orang) telah memilih tidak pasti. Jumlah kategori ini tinggi kerana jumlah kategori hubungan tidak rapat yang tinggi. Oleh sebab penyataan hasrat bunuh diri adalah satu bentuk komunikasi yang unik, maka ia hanya disampaikan kepada individu yang tertentu sahaja. Faktor pemilihan individu bagi menerima komunikasi hasrat bunuh diri tertakluk kepada faktor kerapatan hubungan, peluang pertemuan, dan persepsi mangsa kepada individu berkenaan. Ini bermakna individu-individu di sekeliling yang tidak berpeluang bertemu dan dipersepsi sebagai tidak dipercayai, tidak akan dapat menerima penyataan hasrat bunuh diri.

Jadual 8: Penyataan Dua Kali Hasrat Bunuh Diri Melalui Komunikasi Bukan Lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain)

Penyataan Hasrat (Bukan Lisan)	Frekuensi	peratus
Sangat tidak setuju	6	2.4
Tidak Setuju	40	15.7
Tidak Pasti	122	48.0
Setuju	62	24.4
Sangat Setuju	24	9.4

Penyataan Hasrat Bunuh Diri Hanya Lebih Tiga Kali Melalui Komunikasi Bukan Lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain)

Jadual 9 menunjukkan frekuensi dan peratus responden kepada penyataan hasrat bunuh diri yang disampaikan melalui komunikasi bukan lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain) sebanyak lebih tiga kali yang dilakukan oleh mangsa. Sebanyak 88.4peratus (n=112) telah setuju dan sangat setuju bahawa mangsa telah menyatakan lebih tiga kali akan hasrat bunuh diri melalui komunikasi bukan lisan. Manakala sebanyak 12.6 peratus (32 orang) sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa mangsa telah lebih tiga kali menyatakan hasrat bagi bunuh diri melalui komunikasi bukan lisan. Sungguhpun demikian, sebanyak 43.3 peratus (110 orang) telah memilih tidak pasti. Jumlah kategori ini

agak tinggi kerana jumlah kategori hubungan tidak rapat yang tinggi. Oleh sebab pernyataan hasrat bunuh diri adalah satu bentuk komunikasi yang unik, maka ia hanya disampaikan kepada individu yang tertentu sahaja. Faktor pemilihan individu bagi menerima komunikasi hasrat bunuh diri tertakluk kepada faktor kerapatan hubungan, peluang pertemuan, dan persepsi mangsa kepada individu berkenaan. Ini bermakna individu-individu di sekeliling yang tidak berpeluang bertemu dan dipersepsi sebagai tidak dipercayai, tidak akan dapat menerima pernyataan hasrat bunuh diri.

Jadual 9: Pernyataan Lebih Tiga Kali Hasrat Bunuh Diri Melalui Komunikasi Bukan Lisan (Surat, sms, Lukisan, e-mel, tulisan dan lain-lain)

Penyataan Hasrat (Bukan Lisan)	Frekuensi	peratus
Sangat tidak setuju	10	3.9
Tidak Setuju	22	8.7
Tidak Pasti	110	43.3
Setuju	73	73.0
Sangat Setuju	39	15.4

Perbandingan Kekerapan Pernyataan Hasrat Bunuh Diri Melalui Komunikasi Bukan Lisan

Jadual 10 menunjukkan satu perubahan perbezaan yang amat ketara bagi pernyataan hasrat sebanyak sekali, dua kali dan tiga kali atau lebih tiga kali. Jumlah yang paling tinggi iaitu tiga kali atau lebih sejumlah 88.4 peratus dan sebanyak 47.6 peratus sebanyak sekali sahaja. Ini membuktikan bahawa mangsa yang akan membunuh diri sememangnya akan melakukan komunikasi bunuh diri ataupun menyatakan hasratnya bagi membunuh diri. Mesej hasrat membunuh diri tidak tertakluk kepada secara terus sahaja kerana ia juga wujud dalam bentuk abstrak.

Jadual 10: Perbandingan Kekerapan Pernyataan Hasrat Bunuh Diri Melalui Komunikasi Bukan Lisan

Penyataan Hasrat (Bukan Lisan)	Sekali	Dua kali	Tiga kali atau Lebih
Sangat tidak setuju	4.7	2.4	3.9
Tidak Setuju	16.1	15.7	8.7
Tidak Pasti	44.9	48.0	43.3
Setuju	25.6	24.4	73.0
Sangat Setuju	22.0	9.4	15.4

Faktor-faktor Penyebab Bunuh Diri

Sejumlah 9 dimensi berkaitan faktor-faktor penyebab bunuh diri yang menyentuh aspek agama, kewangan, hubungan dengan isteri, hubungan dengan keluarga, tempat bertugas, kerjaya, ketua, dadah dan tidak pasti telah dikemukakan kepada responden dan hanya 4 dimensi sahaja yang mendapat skor lebih tinggi dari midpoint 3.33. Ini menunjukkan faktor penyebab seperti kurang asas agama, kewangan, kerjaya dan tempat bertugas adalah faktor penyebab utama jika dibandingkan dengan lima faktor lagi. Faktor kurangnya asas agama adalah faktor penyebab yang utama pada $m=3.50$.

Walau bagaimana pun responden tidak bersetuju dengan faktor penyebab seperti kerjaya ($m=3.33$), ketua/majikan ($m=3.13$) dan dadah ($m=3.11$) di bawah midpoint 3.33. Responden juga tidak bersetuju dengan alasan tanpa sebab atau tidak pasti yang mendapat $m=3.06$. Lihat Jadual 11.

Jadual 11; Faktor-faktor Penyebab Bunuh Diri

Faktor-faktor Penyebab Bunuh Diri	Mean	SP
Mangsa tidak mempunyai asas agama yang kukuh	3.50	.92
Mangsa mempunyai masalah kewangan yang serius	3.44	.89
Mangsa menghadapi masalah dalam hubungan dengan isteri atau kekasih	3.33	.94
Mangsa mempunyai masalah dalam hubungan dengan ahli keluarga	3.33	.98
Mangsa mempunyai masalah dengan pasukan atau tempat bertugas	3.43	.98
Mangsa mempunyai masalah dengan kerjaya	3.44	.95
Mangsa mempunyai masalah dengan ketua di pejabat	3.06	.95
Mangsa mempunyai masalah dengan dadah	3.13	.88
Mangsa membunuh diri tanpa sebab yang pasti	3.11	.76

Individu Berpengaruh Memujuk

Merujuk kepada Jadual 12, sejumlah 7 soalan telah dikemukakan kepada responden bagi melihat individu paling berpengaruh bagi menasihati mangsa supaya tidak bunuh diri. Tujuh individu yang dipilih adalah tujuh kategori individu yang dilihat rapat dan sering berhubung secara langsung dengan mangsa. Secara amnya, responden bersetuju bahawa ahli keluarga adalah individu yang paling berpengaruh bagi memberi nasihat ($m=3.87$), pegawai agama ($m=3.50$), dan isteri atau kekasih ($m=3.40$). Ketiga-tiga individu ini melepasi midpoint 3.39.

Walau bagaimana pun terdapat 3 dimensi yang berada di bawah paras midpoint yang menggambarkan responden tidak bersetuju bahawa rakan-rakan ($m=3.33$), ketua/majikan ($m=3.17$) dan pengawal pusat tahanan ($m=3.06$) berupaya mempengaruhi atau menasihati mangsa. Sungguhpun demikian, pegawai kaunseling berada di atas paras midpoint iaitu 3.39. Ini menunjukkan pengaruh

pegawai kaunseling dalam menasihati mangsa adalah bersifat mangsatisf iaitu mungkin berkesan atau pun tidak berkesan. .

Jadual 12: Individu Berpengaruh Memujuk

Individu	Mean	SP
Nasihat KETUA/MAJIKAN di tempat bertugas lebih berkesan bagi menginsafkan atau memujuk mangsa	3.17	.93
Nasihat RAKAN-RAKAN lebih berkesan bagi menginsafkan atau memujuk mangsa	3.33	.98
Nasihat AHLI KELUARGA lebih berkesan bagi menginsafkan atau memujuk mangsa	3.87	.84
Nasihat PEGAWAI KAUNSELING lebih berkesan bagi menginsafkan atau memujuk mangsa	3.39	.88
Nasihat PEGAWAI AGAMA lebih berkesan bagi menginsafkan atau memujuk mangsa	3.50	.88
Nasihat PENGAWAL PUSAT TAHANAN lebih berkesan bagi menginsafkan atau memujuk mangsa	3.06	.74
Nasihat ISTERI ATAU KEKASIH lebih berkesan bagi menginsafkan atau memujuk mangsa	3.40	.84

Penemuan ini disahkan lagi melalui penemuan temu bual dengan mangsa (n=11) yang gagal dalam cubaan bunuh diri. Bentuk individu yang mampu memujuk atau mempengaruhi kecenderungan bunuh diri tidak sempit atau terikat kepada ahli keluarga sahaja. Bahkan juga terdapat individu yang bukan ahli keluarga seperti ibu saudara, cikgu, bapa, ibu, kakak, dan kekasih.

Mesej Berkesan Memujuk

Sebanyak 7 soalan telah dikemukakan kepada responden yang menyentuh isu mesej paling berpengaruh bagi digunakan untuk memujuk mangsa supaya tidak bunuh diri. Tujuh isu ini ialah ibu bapa, anak-anak, isteri/suami/kekasih, hubungan keluarga, kaunseling, agama dan selesai masalah. Berlandaskan Jadual 4.3.9 secara amnya, responden bersetuju bahawa mesej ibu bapa seperti kasih sayang (m=3.83), mesej anak-anak (m=3.76), dan mesej isteri/suami/kekasih (m=3.62) memberi kesan paling berpengaruh. Pendapat ini ditunjukkan oleh mean yang dicapai yang mana lebih tinggi dari midpoint 3.56. Responden bersetuju bahawa dengan menasihati mangsa dengan menggunakan mesej ibu bapa, anak-anak, dan isteri/suami/kekasih akan menginsafkan mangsa dan ini selari dengan kategori individu yang berpengaruh bagi memujuk mangsa. Responden juga bersetuju bahawa mesej kaunseling (m=3.36), mesej agama (m=3.33) dan selesaikan masalah (m=3.05) berupaya menginsafkan mangsa.

Secara relatif responden bersetuju bahawa mesej-mesej yang berkaitan dengan isu kekeluargaan berupaya menginsafkan mangsa. Ini dapat dilihat bahawa

keempat-empat mesej berkaitan keluarga mendapat tempat teratas iaitu atas pada midpoint 3.56. Sungguhpun mesej hubungan kekeluargaan berada atas midpoint tetapi $m=3.56$ adalah tinggi. Responden menolak mesej perjanjian atau mesej berkaitan penyelesaian masalah mangsa boleh menginsafkan mangsa. Lihat Jadual 12.

Jadual 13: Mesej Berkesan Memujuk

Mesej	Mean	SP
Mesej nasihat KEAGAMAAN akan lebih menginsafkan atau memujuk mangsa	3.33	.92
Mesej nasihat berkaitan HUBUNGAN KEKELUARGAAN akan lebih menginsafkan atau memujuk mangsa	3.56	.80
Mesej nasihat KAUNSELING akan lebih menginsafkan atau memujuk mangsa	3.36	.83
Mesej nasihat berkaitan ANAK-ANAK akan lebih menginsafkan atau memujuk mangsa	3.76	.96
Mesej AKAN MENYELESAIKAN MASALAH yang sedang dihadapi akan lebih menginsafkan atau memujuk mangsa	3.05	.93
Mesej nasihat berkaitan ISTERI/SUAMI ATAU KEKASIH akan lebih menginsafkan atau memujuk mangsa	3.62	.97
Mesej nasihat berkaitan IBU BAPA akan lebih menginsafkan atau memujuk mangsa	3.83	.86

Penemuan ini didapati selari atau sama dengan penemuan dalam temu bual dengan mangsa yang telah gagal dalam cubaan bunuh diri. Rata-rata mangsa menyatakan terdapat mesej tertentu yang berupaya mempengaruhi mereka supaya membatalkan hasrat bunuh diri. Antara mesej yang berkesan memujuk ialah ahli keluarga, isu dosa dan pahala, ingat kepada Tuhan, permasalahan yang dihadapi, dan lain-lain lagi.

ANALISIS STATISTIK INFERENSI

Ujian Hipotesis

Bahagian ini akan menjelaskan keputusan ujian hipotesis. Bagi menguji hipotesis ini, ujian Korelasi Pearson telah digunakan untuk mengukur tahap hubungan antara pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Terdapat lima hipotesis seperti berikut:

Ha1: Wujud perkaitan/hubungan antara kekerapan komunikasi bunuh diri dengan kecenderungan atau kesungguhan niat membunuh diri di kalangan anggota tentera.

Kajian mendapati korelasi diantara kekerapan komunikasi bunuh diri dengan kecenderungan niat bunuh diri adalah signifikan dan hubungannya adalah positif. Lihat jadual 13. Nilai koefisi-r adalah .216 dengan nilai $p=.000$ yang mana $<.001$. Oleh itu, Ha1 gagal ditolak. Menurut Hinkle, Wiersma dan Jurs (1998), tahap kekuatan hubungan adalah lemah.

Jadual 14: Analisis Kecenderungan Niat dan Kekerapan komunikasi Bunuh Diri menggunakan Korelasi Pearson

Pemboleh ubah	r	P
Kekerapan komunikasi bunuh diri	.216**	.000

N=254

** Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

Ha2: Wujud perkaitan/hubungan antara bentuk komunikasi bunuh diri sama ada lisan atau bukan lisan mempunyai hubungan dengan kecenderungan atau kesungguhan niat membunuh diri di kalangan anggota tentera.

Berdasarkan keputusan ujian ANOVA di Jadual 14, di dapati nilai-p ialah .023 iaitu $<.05$. Ini menunjukkan terdapat perbezaan terhadap kecenderungan niat bunuh diri berdasarkan jumlah komunikasi lisan yang telah dilakukan. Bermakna, sama ada sekali, dua kali, tiga kali atau lebih komunikasi lisan yang dilakukan mangsa, terdapat kesan yang berbeza kepada kecenderungan niat mangsa bagi membunuh diri. Maka, Ha2 bagi komunikasi lisan gagal ditolak.

Jadual 15: Analisis Komunikasi Bunuh Diri Secara Lisan dan Kecenderungan Niat Bunuh Diri Ujian ANOVA

	N	Mean	SP	F	Sig
1	254	3.1693	.936		
2	254	3.2520	.875	2.000	0.023
3	254	3.3622	.959		

Jumlah

*p<0.05

Manakala keputusan ujian ANOVA bagi komunikasi bukan lisan seperti di Jadual 15, di dapati nilai-p ialah .053 iaitu > .05. Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan terhadap kecenderungan niat bunuh diri berdasarkan jumlah komunikasi bukan lisan yang telah dilakukan. Bermakna, sama ada sekali, dua kali, tiga kali atau lebih komunikasi bukan lisan yang dilakukan mangsa, tidak terdapat kesan yang berbeza kepada kecenderungan niat mangsa bagi membunuh diri. Maka, Ha2 bagi komunikasi bukan lisan ditolak.

Jadual 15: Analisis Komunikasi Bunuh Diri Bukan Lisan dan Kecenderungan Niat Bunuh Diri Ujian ANOVA

	N	Mean	SP	F	Sig
1	254	3.1732	.962		
2	254	3.2283	.808	2.000	0.053
3	254	3.4291	.982		

Jumlah

*p<0.05

Ha3: Wujud perkaitan/hubungan antara mesej nasihat paling efektif dengan kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera.

Ujian – T digunakan bagi mengukur sama ada wujud perkaitan antara mesej nasihat paling efektif terhadap kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera. Keputusan ujian seperti di jadual 16 menunjukkan mesej keagamaan, nilai t ialah 58.006 di mana nilai p ialah 0.00 <0.01. Bagi mesej hubungan kekeluargaan, nilai t ialah 71.190 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi mesej kaunseling, nilai t ialah 64.489 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi mesej anak-anak, nilai t ialah 62.127 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi mesej janji menyelesaikan masalah, nilai t ialah 52.070 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi mesej berkaitan isteri/suami/kekasih, nilai t ialah 52.070 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi mesej ibu bapa, nilai t ialah 70.698 di mana nilai p ialah <0.01.

Jadual 17: Ujian ‘T’ Kepada Mesej Nasihat Paling Efektif

	N	Mean	t	p
Keagamaan	254	3.3386	58.006	0.00
Hubungan kekeluargaan	254	3.5591	71.190	
Kaunseling	254	3.3622	64.489	
Anak-anak	254	3.7559	62.127	

Janji selesaikan masalah	254	3.0551	52.070
Isteri, suami atau kekasih	254	3.6220	59.805
Ibu atau bapa	254	3.8346	70.698

*p<0.01

Berlandaskan Jadual di atas, dapat dilihat bahawa mesej nasihat berkaitan ibu bapa mendapat skor yang paling tinggi. Bermakna mesej nasihat yang paling berkesan bagi mempengaruhi mangsa supaya membatalkan niatnya untuk bunuh diri ialah mesej berkaitan ibu bapa. Manakala mesej nasihat berkaitan hal anak-anak mendapat skor kedua tertinggi dan mesej nasihat berkaitan isteri/suami/kekasih mendapat skor ketiga tertinggi. Dalam hal ini, didapati mesej berkaitan keagamaan (3.3386), kaunseling (3.3522) dan janji penyelesaian masalah (3.0551) mendapat skor terendah. Ini bermakna mesej-mesej ini kurang berkesan bagi mempengaruhi mangsa supaya membatalkan hajatnya untuk bunuh diri. Ini bermakna Ha3 gagal ditolak.

Ha4: Wujud perkaitan/hubungan antara pihak/individu paling berkesan memujuk mangsa dengan kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera.

Ujian – T digunakan bagi mengukur sama ada wujud perkaitan antara pihak/individu yang paling berkesan memberi nasihat terhadap kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera. Keputusan ujian seperti di jadual 17 menunjukkan ketua/majikan, nilai t ialah .926 di mana nilai p ialah 0.00 <0.01. Bagi rakan-rakan, nilai t ialah .979 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi ahli keluarga, nilai t ialah .837 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi Pegawai kaunseling, nilai t ialah .876 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi pegawai agama, nilai t ialah .879 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi pengawal tahanan, nilai t ialah .735 di mana nilai p ialah <0.01. Bagi isteri/kekasih, nilai t ialah .836 di mana nilai p ialah <0.01.

Jadual 18: Ujian ‘T’ Kepada Individu Berpengaruh

	N	Mean	t	p
Ketua/majikan	254	3.1654	.92624	0.00
Rakan-rakan	254	3.3346	.97914	
Ahli keluarga	254	3.8661	.83748	
Pegawai kaunseling	254	3.3858	.87610	
Pegawai agama	254	3.5039	.87904	
Pengawal Tahanan	254	3.0630	.73585	

Isteri/Kekasih	254	3.3976	.83604
----------------	-----	--------	--------

*p<0.01

Berlandaskan Jadual 17, dapat dilihat bahawa ahli keluarga mendapat skor yang paling tinggi (3.8661). Bermakna ahli keluarga merupakan pihak atau individu yang paling berpengaruh bagi menasihati atau membujuk mangsa. Manakala pegawai agama mendapat skor kedua tertinggi (3.5039) dan isteri/kekasih mendapat skor ketiga tertinggi (3.3976). Dalam hal ini, didapati pegawai kaunseling (3.3858), rakan-rakan (3.3346), ketua/majikan (3.1654) dan pengawal tahanan (3.0630) mendapat skor terendah. Ini bermakna individu atau pihak berkenaan kurang berpengaruh bagi mempengaruhi mangsa supaya membatalkan hajatnya untuk bunuh diri. Ha4 gagal ditolak.

Ha5: Wujud perkaitan/hubungan antara faktor-faktor penyebab dengan kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera.

Berdasarkan keputusan ujian ANOVA di Jadual 18, di dapati nilai-p ialah .000 iaitu < .05. Ini menunjukkan terdapat perbezaan terhadap kecenderungan niat bunuh diri berdasarkan kepada bentuk faktor penyebab. Bermakna, setiap bentuk faktor penyebab mempunyai kesan yang berbeza kepada kecenderungan niat mangsa bagi membunuh diri. Maka, Ha5 bagi faktor penyebab gagal ditolak.

Jadual 19: Analisis Faktor Penyebab Bunuh Diri dan Kecenderungan Niat Bunuh Diri Ujian ANOVA

	N	Mean	SP	F	Sig
Asas agama	254	3.5039	.918		
Masalah kewangan	254	3.4490	.890	8.000	0.000
Masalah hubungan dengan isteri/kekasih	254	3.3346	.937		
Masalah hubungan dengan ahli keluarga	254	3.3346	.975		
Masalah hubungan dengan pasukan/tempat bertugas	254	3.4252	.982		
Masalah kerjaya	254	3.4370	.954		
Masalah dengan ketua	254	3.0630	.951		
Dadah	254	3.1299	.881		
Tidak pasti	254	3.1142	.758		
Jumlah					

*p<0.05

Dalam temu bual dengan mangsa yang gagal dalam cubaan membunuh diri. Setiap mangsa (n=11) mempunyai sebab tersendiri kepada tindakan bunuh diri. Empat sebab yang utama iaitu masalah hubungan sama ada dengan keluarga atau

rakan, banyak masalah, masalah kewangan dan kecewa dengan kerjaya. Hanya dua mangsa yang menyatakan tekanan di tempat kerja sebagai salah satu sebab tindakan bunuh diri. Semua mangsa (n=11) menyatakan lebih dari satu faktor penyebab. Penemuan-penemuan ini sama ada melalui soal selidik responden atau temu bual, di dapati mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Jabatan Polis Miami yang menjalankan Suicide Prevention Training Programme di daerah Miami. Mereka mendapati membunuh diri ialah satu mekanisme menyelesaikan masalah yang mempunyai tiga matlamat iaitu (1) Untuk memperbaiki situasi yang tidak selesa dan tidak boleh dihadapi, (2) Menutup imej diri yang buruk, dan (3) Merasakan sangat kuat (Robert, 2001). Dapatan ini sama dengan mesej bunuh diri yang ditemui dalam kajian yang mana terdapat mangsa yang menulis nota berbunyi 'mati lagi senang, habis semua masalah', dan 'lepas ni, saya tak akan susahkan sesiapa lag'. Mesej-mesej sebegini menunjukkan mangsa telah memilih bunuh diri sebagai satu mekanisme menyelesaikan masalah.

Ujian Regresi Berganda

Ujian Regresi Berganda dijalankan bagi menguji sama ada wujud pengaruh bagi setiap pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah bersandar. Ia juga bertujuan untuk melihat kekuatan pengaruh bagi setiap pemboleh ubah yang digunakan.

Tahap Kekuatan Pengaruh IV (faktor penyebab) Terhadap DV

Berdasarkan Jadual 19, kesemua pemboleh ubah bebas iaitu faktor penyebab berupaya untuk menerangkan pengaruh sebanyak .105 iaitu 10.5 peratus. Pengaruh pada kadar 10.5% adalah lemah dan ini menunjukkan bahawa wujudnya faktor-faktor lain selain dari pemboleh ubah bebas yang telah dikaji. Keputusan ujian regresi berganda terhadap setiap pemboleh ubah bebas seperti yang ditunjukkan oleh jadual 19 di bawah menunjukkan bahawa setiap pemboleh ubah bebas mempunyai pengaruh yang signifikan atau berpotensi untuk memberi kesan pada kadar lemah dengan pemboleh ubah bersandar, menyumbang kepada variasi kecenderungan bunuh diri di kalangan mangsa anggota tentera. Keputusan regresi adalah signifikan pada $p=0.000$ dengan $F=3.181$ apabila lapan variasi pemboleh ubah bebas diambil kira dalam membuat jangkaan terhadap kecenderungan bunuh diri. Hal yang sedemikian menerangkan bahawa secara keseluruhannya terdapat hubungan yang signifikan pada kadar lemah antara lapan faktor penyebab dengan kecenderungan bunuh diri.

B yang paling tinggi antara lapan variasi faktor pemboleh ubah bebas ialah masalah dengan pasukan atau tempat kerja iaitu 0.496 dengan signifikan pada paras 0.005. B yang kedua tinggi ialah asas agama pada paras 0.470 dengan signifikan pada paras 0.000. B yang rendah ialah hubungan dengan ahli keluarga pada paras 0.037 dengan signifikan pada paras 0.829 > 0.05. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hanya faktor penyebab masalah dengan pasukan atau tempat kerja adalah peramal yang baik terhadap kecenderungan bunuh diri di kalangan anggota tentera ($A < 0.05$). Berdasarkan analisis ini, X1, X2, X3, X4, X6, X7, dan X8, iaitu asas agama, kewangan, hubungan dengan isteri/kekasih,

hubungan dengan ahli keluarga, kerjaya, ketua/majikan, dan dadah mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecenderungan bunuh diri adalah berpotensi memberi kesan. Ini bermakna Ha5 gagal ditolak.

Jadual 20: Analisis Hubungan Faktor Penyebab Terhadap Kecenderungan Bunuh Diri menggunakan ujian Regresi Berbilang

Model		Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients		t		Sig	
		B	Std. Error	Beta	B	Std. Error			
1	(Constant)	14.636	1.409			10.387		.000	
	Asas agama								
	.470	.188	.164	2.506	.013				
	Masalah kewangan								
	.071	.192	.024	.372	.711				
	Masalah dengan isteri/ kekasih								
	.404	.179	.144	2.258	.025				
	Hubungan ahli keluarga								
	.037	.169	.014	.216	.829				
	Masalah dengan tempat bertugas								
	.496	.174	.185	2.850	.005				
	Masalah dengan kerjaya								
	.158	.178	.057	.890	.374				
	Masalah dengan ketua/majikan								
	.376	.175	.136	2.148	.033				
	Masalah dengan dadah								
	.050	.194	.017	.258	.797				

a Dependent Variable: kecenderungan bunuh diri

b F= 3.181, p=0.000, R2 = .105

*p<0.05

Model regresi yang dihasilkan bagi mengukur kesan faktor penyebab adalah seperti di dalam Jadual 20.

Jadual 21: Model Regresi Yang Dihasilkan Daripada Analisa Regresi Berganda

Jadikan,

- Y = Kecenderungan bunuh diri (pemboleh ubah bersandar)
X1 = Asas agama (pemboleh ubah tidak bersandar)
X2 = Kewangan (pemboleh ubah tidak bersandar)
X3 = Hubungan dengan isteri (pemboleh ubah tidak bersandar)
X4= Hubungan keluarga (pemboleh ubah tidak bersandar)
X5= Suasana tempat kerja (pemboleh ubah tidak bersandar)
X6= Kerjaya (pemboleh ubah tidak bersandar)
X7= Ketua/Majikan (pemboleh ubah tidak bersandar)
X8= Dadah (pemboleh ubah tidak bersandar)

Model Regresi Berganda

$$Y = 14.636 + 0.470 * X1 + 0.071 * X2 + 0.404 * X3 + 0.037 * X4 + 0.496 * X5 + 0.158 * X6 + 0.376 * X7 + 0.050 * X8$$

Di mana;

14.636 adalah pemalar yang memotong paksi Y, kecenderungan bunuh diri (pemboleh ubah bersandar). 0.470 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara tidak mempunyai asas agama yang kukuh dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit asas agama akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.470 unit, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

0.071 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara masalah kewangan dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit masalah kewangan akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.071 unit, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

0.404 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara masalah hubungan dengan isteri/kekasih dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit masalah hubungan dengan isteri/kekasih akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.404 unit, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

0.037 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara masalah hubungan dengan ahli keluarga dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit masalah hubungan dengan ahli keluarga akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.037 unit, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

0.496 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara masalah dengan pasukan/tempat kerja dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit masalah dengan pasukan/tempat kerja akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.496 unit, dengan

andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

0.158 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara masalah dengan kerjaya dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit masalah dengan kerjaya akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.158 unit, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

0.376 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara masalah dengan ketua/majikan dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit masalah dengan ketua/majikan akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.376 unit, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

0.050 adalah sebahagian daripada kecerunan hubungan linear antara masalah dadah dan kecenderungan bunuh diri. Ini bermakna, kenaikan satu unit masalah dadah akan menyebabkan peningkatan dalam kecenderungan bunuh diri sebanyak 0.050 unit, dengan andaian faktor-faktor lain tidak berubah.

Secara umumnya, model regresi berganda yang dijelaskan tadi adalah berdasarkan formula berikut:

$$\text{Kecenderungan Bunuh Diri} = 14.636 + 0.470* \text{ asas agama} + 0.071* \text{ kewangan} + 0.404* \text{ hubungan isteri/kekasih} + 0.037* \text{ hubungan ahli keluarga} + 0.496* \text{ pasukan/tempat kerja} + 0.158* \text{ kerjaya} + 0.376* \text{ ketua} + 0.050* \text{ dadah}$$

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian membuktikan bahawa kekerapan komunikasi bunuh diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan membunuh diri di kalangan anggota tentera. Ini menunjukkan semakin banyak komunikasi bunuh diri yang dilakukan, kecenderungan untuk bunuh diri semakin tinggi atau sudah dekat. Manakala mesej pembujukan yang paling berkesan ialah berkaitan isu kekeluargaan. Sungguhpun demikaain, kajian mendapati pegawai agama dan pegawai kaunseling bukanlah individu yang paling berkesan bagi memujuk mangsa. Dalam hal ini, setiap mangsa didapati memiliki individu istimewa tertentu dan berbeza mengikut mangsa yang berpengaruh bagi menasihati mangsa. Maka itu adalah perlu untuk pihak yang mengurus anggota tentera untuk mengetahui tentang komunikasi bunuh diri, mesej berkesan dan individu berkesan bagi setiap anggota tentera. Adalah dicadangkan agar anggota yang mula melakukan komunikasi bunuh diri hendaklah dengan segera di ketemukan dengan individu yang berkesan bagi memujuk mangsa. Lagi banyak komunikasi bunuh diri yang dilakukan, pertemuan hendaklah di lakukan dengan segera. Dalam masa yang sama, individu berpengaruh yang telah di kenal pasti perlu didedahkan kepada mesej-mesej yang berpengaruh bagi memujuk mangsa.

BIODATA PENULIS

Mohd Radzi Abdul Hamid adalah calon siswazah peringkat kedoktoran di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Beliau adalah seorang Pegawai Kanan Tentera Darat Malaysia, yang bertugas di Markas Tentera Darat.

Jusang Bolong adalah Profesor Madya di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

RUJUKAN

- Ajzen, I. 1985. From intentions to actions: A theory of planned behaviour, ed. J. Kuhi, and J. Beckmann, *Action Control: From cognition to behaviour*, pp. 11- 39. Heidelberg: Springer-Verlag.
- Ajzen, I., and Fishbein, M. 1970. The prediction of behavior from attitudinal and normative variables [Electronic version]. *Journal of Experimental Social Psychology* 6: 466-487.
- al-Ghazali, Abu-Hamid Muhammad bin Muhammad. 1967. *Ih. ya-'ulumal-din. Qa-hirah: Matabi' Subhul al-'Arab*.
- Allen, S. W. 1999. Suicide prevention training: One Department's Response [Electronic version]. *Journal of Suicide and Law Enforcement* 1: 9-15.
- Argenti, P.A. 1998. *Corporate Communication*. Burr Ridge II: Irwin/McGraw-Hill
- Asiya, B. 2010. An Islamic Perspective on Suicide. http://www.who.int/mental_health/prevention/suicide/suicideprevent/en/.
- Balentine, B. 2006. *It's better to be a good machine than a bad person: Speech Recognition and Other Exotic User Interfaces at the Twilight of the Jetsonian Age*. McGraw-Hill.
- Barber, J.G, Blackman, E.K, Talbot, C., dan Saebel. J. 2004. The themes expressed in suicide calls to a telephone help line [Electronic version]. *Journal of Soc Psychiatry Epidemiol* 39 : 121–125.
- Berita Harian. Hafizah Iszahanid. 12 Feb 2009. *Tekanan Punca Bunuh Diri*.
- Berlo. D.K. 1980. *The process of communication*. New York: Holt, Cliffs NJ:Prentice Hall.
- Bernamea, 17 Mac 2009.
- Brian, C. 2004. Strange case of the army“suicides”. *New Statesman* :21 June 2004.
- Church, A.H. 1996. Giving your organizational communication C-P-R. *Journal of Leadership and Organizational* 12:4-5.
- Dai, Jing. 2008. *Suicidal Morbidity among Rural Chinese Ages*, Chinese University of Hong Kong.
- Donna, Bellafore. 2011. *Interpersonal Conflict and Effective Communication*. <http://www.drbalternatives.com/articles/cc2.html>.
- Durkheim, E. 1951. *Suicide: A Study in Sociology*. New York: A Free Press.
- Eskin, M. 2003. A cross-cultural investigation of the communication of suicidal intent in Swedish and Turkish adolescents. *Scandinavian Journal of Psychology* 44: 1-6.
- Farace, R.V, Taylor, J.A, dan Steward, J.P. 1978. *Criteria for evaluation of organization effectiveness: Review and synthesis*. *Communication Yearbook II*. Transaction Publisher.
- Fiona, J., Henry, J., Caitlin, F., Greg, M., dan Angela, K. 2006. Understanding suicide in Australian farmers. *Journal of Soc Psychiatry Epidemiol*. 41 (): 1-10.

- Floyd, Kory. 2009. *Interpersonal Communication: The Whole Story*. New York: McGraw-Hill.
- Gardner, D.B, dan Blanchard. 2008. *Human Factors and Voice Interactive Systems (Signals and Communication Technology)* (2nd ed.). New York: Springer Sc.
- Giordano, R., dan Stichler, J. 2009 Improving suicide risk assessment in the emergency department.. *Journal of Emerg Nurs* 35:22–26.
- Goldhaber, G.M. 1993. *Organizational Communication* (6th ed.). Dubuque LA: Brown and Benchmark.
- Griffith, D.A. 2000. The role of communication competences in international business relationship development. *Journal of World Business (UK)* 37: 256-266.
- Hagman, G. 2001. Beyond decathexis: Toward a new psychoanalytic understanding and treatment of mourning. In R. Neimeyer ed. *Meaning reconstruction and the experience of loss*, pp. 13-31. Washington, DC: American Psychological Association.
- Handelman, dan David. 2007. The Content of Suicide Notes from Attempters and Completers. *Journal of Crisis*. 28(2):102-104.
- Holm, O. 2006. Communication processes in critical system: dialogues concerning communications [Electronic version]. *Marketing Intelligence & Planning Journal* 24:493-504.
- Hui Chen, Brian, L. Mishara, dan Xiao Xian Liu. 2010. A Pilot Study of Mobile Telephone Message Interventions with Suicide Attempters in China [Electronic version]. *Crisis Journal* 31(2):109–112.
- Hunt, G.T. 1980. *Communication Skills in the organization* (1st ed.). Englewood Cliffs NJ:Prentice Hall.
- James J. D. 2006. *Suicide By Cop: A Case Study Analysis of How Police Practitioners*. City University of New York.
- Jeffrey, W.R. 1998. Durkeim’s “Heroic Suicide” in Military Combat. *Armed Forces and Society Journal* 25(1):103-120.
- Jessica D. R. dan Thomas E.J. 2009. The Interpersonal-Psychological Theory of Suicidal Behavior: Current Status and Future Directions [Electronic version]. *Journal Of Clinical Psychology* 65(12):1291-1299.
- Joiner, T., Brown, J., & Wingate, L. 2005. The psychology and neurobiology of suicidal behavior. *Annual Review of Psychology*, 56, 287-314. <http://www.psy.fsu.edu/faculty/joiner.dp.html>
- Jusang Bolong. 2011. *Minda Komuniti Maya*. Bangi:UKM.
- Kaplan, B. H. 1983. *Psychosocial stress trends in theory and research*. New York: Academic Press.
- Kelly, D. 2000. Using vision to improve organizational communication [Electronic version]. *Leadership and Organizational Journal* 21:92-101.
- Lai, Yuk Ching. 2007. Personal and Family Correlates of Suicidal Ideation in

Chinese Adolescents in Hong Kong. Chinese University of Hong Kong.

- Lazarus, S. R. 1993. Why we should think of stress as a subset of emotion. Dalam Leo Goldberger & Shlomo Breznitz(ed). *Handbook of Stress Theoretical and Clinical Aspects*. New York: The Free Press A Division Of Macmillan, Inc.
- Lin, C.A. 2003. An interactive communication technology adoption model [Electronic version]. *Communication Theory Journal* 13:345-365.
- Lindqvist, Johansson, and Karlsson. 2008. In the aftermath of teenage suicide: A qualitative study of the psychosocial consequences for the surviving family members. *BMC Psychiatry* 8:26-32
- Lisa. M.H., Elizabeth. D.B., dan Maryland. P. 2011. Suicide screening in schools, primary care and emergency departments. <http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2879582/>
- Lori, D.H, dan David. L. 2007. The Content of Suicide Notes from Attempters and Completers. *Journal of Crisis* 28(2):102-104.
- Lyttle, J., Mathias, P., dan Thompson, T. 2004. *Lyttle's mental health and disorder* (4th ed). Bailliere Tindall: U.K.
- Matthew K.N. 2009. Why do people hurt themselves? New Insights Into the Nature and Functions of Self-Injury. *Journal of Psychological Science*. 18:2.
- Maughan, J. 2010. *Communication Management Skills -Articles, Videos, How To's*. <http://www.life123.com/career-money/career-development/management-skills/interpersonal-communications.shtml>.
- McCroskey, J. C., Larson, C. E., dan Knapp, M. L. 1971. *An Introduction to Interpersonal Communication*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Michael, Berzofsky. 2010. Turning Points In Dynamic Psychotherapy: Initial Assessment, Boundaries, Money, Disruptions and Suicidal Cases. *Psychoanalytic Psychology Journal* 27(4):539-540.
- Miles, M., dan Huberman, A. 1994. *Qualitative Data Analysis: An expanded sourcebook*. Sage Publications:Thousand oaks.
- Mitchell, A.N., Susan, W., Lynn, B., Deborah, D.G., Linda, G., dan Allyson, H. 2006. Effective Communication With Bereaved Child Survivors of Suicide. *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing* 19(3): 130-136.
- Mohsen, R. 2008. Islam and Suicide: A Short Personal Communication. *Journal of Death and Dying* 58:79.
- Muhammad Nasib Ar-Rifa'i. 1999. *Kemudahan dari Allah: ringkasan tafsir Ibnu Katsir, Volume 1*. Jakarta: Gema Insani.
- Nelson, B.J., dan Frantz, T.T. 1996. Family interactions of suicide survivors and survivors of non-suicidal death [Electronic version]. *Omega* 33(2):131-146.
- Nicole, J.P. 2010. Depression, hopelessness, and perceived burden: suicidal

- tendencies in depressed patients. Case Western Reserve University.
- Nock, M.K. 2008. Actions speak louder than words: An elaborated theoretical model of the social functions of self-injury and other harmful behaviors. *Journal of Applied and Preventive Psychology* 12:159-168.
- Oliver, S.M. 2000. *Symmetrical communication: Theory and Practice* (2nd ed.). London: Longman.
- Petric, G. 2011. Social uses of interpersonal communication technologies in a complex media environment [Electronic version]. *European Journal of Communication* 26:116-132.
- Roberts, J. E. 2001. Suicide by Cop Syndrome: How Law Enforcement Successfully Can Meet the Challenge. In D. C. Sheehan ed. *Suicide and Law Enforcement* (pp.689-693). Washington, DC: U.S. Department of Justice, Federal Bureau of Investigation.
- Robin, D.E., Katherine, E.B., dan Barbara, L.P. 2005. I'm sick of being me: Developmental themes in a suicidal adolescent. *Adolescence* 40(160): 693-708.
- Robing E. G. dan Dena, L. 2009. Religion and Suicide. *Journal of Religious Health* 48: 335.
- Ronit, D.L., dan Kathryn, D.R. 2002. Family beliefs about end-of-life decisions: an interpersonal perspective. *Journal of Death Studies*. 26: 567-594.
- Rosalie S. A., dan Cerel. J. 2009. The Development of Effective Message Content for Suicide Intervention: Theory of Planned Behavior. *Crisis Journal*. 30(4):174-179.
- Rothwell, R. 1975. Patterns of information flow during innovation process. dalam Taylor, J.A., dan Steward, J.P, (Ed). *Communication Yearbook II*. Transaction Publisher.
- Roxanne, N. 2004. Suicide rates rise among soldiers in Iraq. *The Lancet* 363:January 24.
- Sekaran, U. 2000. *Research methods for business: A still building approach*, (3rd ed), John Wiley Sons, Ins.
- Selye, H. 1956. *The stress of life*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Shannon, C., dan Weaver, W. 1949. *The Mathematical Theory of Communication*. University Illionios Press.
- Stout, V.J., dan Perkin Jr. E.A. 1978. *Practical Management Communication*. Cincinnati: South-Western Publishing Co.
- Stuart, B.E., Sarow, M.S., dan Stuart, L. 2007. *Integrated Business Communication: In Global Marketplace*. Glasgow: Bell & Bain.
- Stefan, T., 2005. Suicide Determination and the Professional Authority of Medical Examiners. *American Sociological Review* Vol 70/2: 311-333
- Suzan R. S. 2010. *Connections To Self, Others And Higher Power In Relation To Self-Injury*. University Of Oklahoma.

- Teks Ucapan Perasmian Penubuhan Kor Agama Angkatan Tentera oleh Panglima Angkatan Tentera. 8 Mei 1985.
- Thomas, J.S. 2001. *Methods of Social Research*. New York: Harcourt College Publisher.
- Triphinia, M.W. 2011. An examination of the relation among suicide, problem-solving appraisal, and hopelessness in african american women. Fielding Graduate University
- Tubbs, S.I., dan Moss, S. 1994. *Human Communication (7th ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Wedig, M.M., dan Nock, M.K. 2007. Parental expressed emotion and adolescent selfinjury. *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry* 46: 1171- 1178.
- Weick, K.E. 1969. *The social Psychology of Organizing*. Addison Wesley: Reading Mass.
- Welch. 2011. Combating suicide in our ranks [Electronic version]. US Army HR Journal.
- Wymeersch, H. 2007. *Iterative Receiver Design*. New York: Cambridge University Press.

